

Anwar Lawan Wan Azizah Rebut Jawatan Presiden PKR
Bernama
29 Mac, 2014

PETALING JAYA, 29 Mac (Bernama) -- Ketua Umum Parti Keadilan Rakyat (PKR) Datuk Seri Anwar Ibrahim akan menentang isterinya Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail bagi jawatan Presiden parti pada pemilihan bulan depan.

Wan Azizah adalah penyandang jawatan tersebut.

Keputusan pencalonan itu diumumkan Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan PKR Datuk Johari Abdul selepas proses penyerahan borang tamat pada jam 5 petang ini.

Bagi jawatan timbalan presiden, penyandang Azmin Ali berdepan cabaran sukar pada pemilihan kali ini apabila ditentang lima calon lain termasuk Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Turut menentang beliau untuk jawatan nombor dua itu ialah Chua Tian Chang @ Tian Chua, Datuk Saifuddin Nasution Ismail, Datuk K. Ramachandram dan Murali Subramaniam.

Seramai 16 calon pula menyerahkan pencalonan bagi merebut tiga slot jawatan naib presiden PKR.

Mereka termasuk penyandang Nurul Izzah Anwar, Tian Chua, dan N. Surendran.

Turut merebut jawatan itu ialah Fuziah Salleh, Baru Bian, Datuk Mansur Othman, Suresh Kumar, Nagarajan, Mustapha Kamil Ayub, Elizabeth Wong, Dr Shanmugam Rangasamy, Dr Sretharam Sinnasamy, Mohd Rafizi Ramli, Mohd Yahya Sahri, Lee Chin Cheh, Dr Xavier Jayakumar dan Shamsul Iskandar Mohd Akin.

Sementara itu, seramai 78 calon menghantar pencalonan bagi merebut jawatan anggota Majlis Pimpinan Pusat dan tiga calon bertanding bagi jawatan ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK).

Jawatankuasa Pemilihan PKR menetapkan 25 April hingga 11 Mei depan sebagai tarikh pengundian pemilihan pucuk pimpinan parti itu yang dijalankan mengikut zon secara berperingkat dalam tempoh tiga minggu.

Keputusan undian akan diketahui selewat-lewatnya jam 5 petang bila proses pengundian dijangka tamat manakala barisan kepimpinan baharu akan diumumkan selewat-lewatnya 13 Mei

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1026097>